Mata pelajaran kimia umumnya sukar dipahami oleh pelajar kerana isi kandungna kimia banyak yang bersifat abstrak. Makmal sains merupakan komponen penting untuk mendukung kegiatan pdpc kimia, kerana untuk membuktikan kebenaran teori yang pelajari. Aktifiti praktiel kimia memerlukan peralatan dan bahan yang mahal (Slameto, 2013).

Sains kimia berkembang berdasarkan hasil eksperimen ahli kimia untuk menghasilkan fakta dan pengetahuan teoritis mengenai bahan-bahan yang kebenarannya dapat dijelaskan dengan logik matematik. Dalam mengkaji kimia terdapat tiga aspek yang saling berkaitan iaitu aspek mikroskopik, makroskopik dan simbolik (Johnstore, 1982). Aspek makroskopik ialah kimia dapat dilihat dengan mata seperti perubahan warna, pembentukan gas dan pembentukan sedimen. Apabila aspek makroskopik tidak dijelaskan dengan aspek mikroskopik ia boleh membawa kepada pemahaman yang lemah, perubahan warna akibat reaksi tidak berkesan tetapi boleh dijelaskan secara mikroskopik bagaimana atom, molekul dan ion bertindak balas. Penjelasan mikroskopik tanpa diikuti oleh fakta menyebabkan pemahaman pelajar menjadi lemah, jadi ia perlu bantuan simbolik (Johnstore, 1993). Tiga aspek ini hanya boleh muncul apabila kita sedang mengajar menggunakan multimedia yang dibantu komputer (Kemendikbud, 2016b).

Media merupakan penyalur informasi belajar yang dapat dimanfaatkan dalam proses pdpc untuk meningkatkan pemahaman pelajar (Susarno, 2010). Seiring





berkembangnya teknologi maklumat, penggunaan multimedia sangat penting untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar (Asyhar, 2011). Multimedia dapat dikembangkan menjadi multimedia interaktif supaya pelajar dapat belajar sendiri dengan bimbingan guru sebagai mediator dan fasilitator. Ini menjadikan pelajar lebih aktif di kelas. Membangun multimedia interaktif boleh dilakukan jika guru celik ICT dan memahami proses pdpc pada bahan yang akan diajarkan (Kemendikbud, 2013a).

Makmal sains jarang diguna di Indonesia kerana kurang peralatan dan bahan kimia. Penyelidikan awal mendapati 20% - 30% sekolah menengah milik pemerintah yang menggunakan makmal sains kerana kekurangan biaya dan sekolah yang menggunakan makmal sains hanya di kota sahaja. Di Palembang dari 22 sekolah menengah hanya 5 sekolah yang menggunakan makmal sains kerana kurangnya sokongan dari pemerintah daerah (Hartono, 2013). Apabila pelajar jarang melakukan praktik di makmal, pembelajaran menjadi kurang berkesan, pemahaman bahan kimia menjadi lemah. Melaksanakan K-13 memastikan semua pelajar dapat menguasai konsep-konsep kimia, mempunyai kemahiran-kemahiran mengendalikan maklumat kimia dan kebolehan menyusun fakta mengikut urutan logik dan saintifik melalui penggunaan multimedia dalam proses pdpc di sekolah (Kemendikbud, 2016b).

Multimedia interaktif adalah salah satu media yang dapat diguna dalam proses pdpc di sekolah (Kemendikbud, 2016b) kerana multimedia interaktif memudahkan guru menerangkan fakta, konsep, hukum dan teori. Penyelidikan penggunaan multimedia interaktif menunjukkan keberkesanan tinggi (Prihantana, Santyasa & Warpala, 2014). Kajian lain mendapati penggunaan media komputer memberikan pengaruh positif terhadap hasil pembelajaran (Prasetya, Priatmoko & Miftakhudin, 2008) dan layak digunakan untuk membantu proses pdpc (Silvia, 2014). Salah satu bahan multimedia





interaktif telah dibina oleh Destiana Rahmawati (2018), yang mendapati multimedia interaktif yang dibina sesuai digunakan untuk pelajar sekolah menengah.

Selaras dengan saranan pemerintah Indonesia untuk menaik taraf sistem pendidikan Negara, media seperti multimedia interaktif boleh diguna sebagai salah satu pusat kecemerlangan dalam bidang pdpc berdasarkan teknologi, maklumat dan komunikasi. Oleh yang demikian penggunaan elemen-elemen teknologi, maklumat dan komunikasi terutamanya multimedia dalam pdpc perlu untuk memastikan pelajar dapat menguasai pengajaran dengan berkesan (Kemdikbud, 2016b). Hakikatnya, penggunaan multimedia interaktif untuk pdpc mempunyai keupayaan yang lebih tinggi untuk meningkatkan kualiti serta mutu pengajaran dan pembelajaran, multimedia interaktif boleh menjadi medium yang signifikan dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan akademik di sekolah menengah di Indonesia.



Setakat usaha pemerintah Indonesia untuk meningkatkan sumber manusia dalam pendidikan iaitu dengan meningkatkan kualiti proses pdpc guna meningkatkan pemahaman pelajar (Kemdikbud, 2015) dengan memanfaatkan teknologi komputer sebagai media pada proses pdpc sebab itu guru harus celik ICT. Perkara membuat media dalam proses pdpc masih kurang dilakukan oleh guru, kerana pemahaman untuk membuat media masih rendah. Pembuatan media yang banyak dilakukan adalah berupa power point (PPT) yang dalam proses pdpc hanya sebatas pengganti papan tulis.

Dengan berasaskan komputer kita boleh membuat berbagai media berupa: teks, grafik, imej, gambar, audio, video, dan animasi. Teknologi komputer boleh menggabungkan media-media tersebut membentuk multimedia yang boleh digunakan





untuk meningkatkan minat dan keberkesanan dalam proses pdpc (Warsita, 2008). Menurut Warsita (2008) multimedia berasaskan komputer memiliki berbagai keunggulan untuk memahami bahan pelajaran iaitu:

- 1) Pelajar boleh berinteraksi langsung dengan bahan pembelajaran.
- 2) Proses pembelajaran boleh berlaku mengikut kapasiti dan kelajuan pencapaian individu pelajar.
- 3) Boleh meningkatkan minat dan motivasi pencapaian pelajar.
- 4) Memberi maklum balas kepada pelajar dengan segera.
- 5) Dapat mewujudkan proses pembelajaran yang berterusan.
- 6) Melalui multimedia pelajaran kimia pada asas mikroskopik lebih mudah dipahami.



pelajar boleh mengukur sendiri pencapaian mereka. Multimedia interaktif dikendalikan pengguna membuat animasi dan interaksi yang dapat mempelbagaikan persembahan maklumat dan penilaian yang menarik.

Kelebihan penggunaan multimedia interaktif berasaskan komputer ialah dapat lebih mengkonkretkan pembelajaran kimia yang banyak bersifat mikroskopik (Azhar, 2013). Mayer (2011) mendapati proses pdpc menggunakan multimedia interaktif membantu pelajar untuk bertidak balas. Plass dan Homer (2012) pula mendapati penggunaan multimedia interaktif dalam proses pdpc boleh meningkatkan pemahaman kognitif pelajar.





Robert dan Byrne, (2006) mendapati kumpulan pelajar yang menggunakan multimedia interaktif dalam proses pdpc lebih unggul dalam prestasi belajar dan memiliki waktu respon lebih cepat dalam penyelesaian masalah bila dibandingkan dengan pelajar yang tidak menggunakan multimedia. Setiawan dan Ariyano (2014) pula mendapati pelajar yang mengikuti pembelajaran dengan multimedia interaktif menguasai pelajaran lebih baik dibandingkan dengan pelajar yang mengikuti pembelajaran konvensional. Rahayu Kariadinata (2012) melaporkan aplikasi multimedia interaktif dalam pembelajaran boleh meningkatkan kemampuan berfikir aras tinggi pelajar. Siahaan (2010) pula dalam dalam penyelidikannya mendapati guru sains sekolah menengah yang diberi latihan menggunakan multimedia interaktif dalam proses pdpc adalah lebih efektif mengajar dan menghasilkan pelajar yang lebih baik prestasinya dibandingkan dengan guru yang tidak menggunakan multimedia interaktif.



Berdasarkan hasil wawancara dan pemerhatian dalam fasa analisis kajian ini terhadap guru kimia di kota Palembang masih menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran kimia yang konvensional dengan menggunakan kaedah kuliah dan perbincangan. Hasil pemerhatian di beberapa sekolah menunjukkan penggunaan komputer dalam pembelajaran hanya terbatas pada power point dimana pelajar hanya mendengar guru menerangkan dengan power point yang ditayangkan melalui komputer dan peranti, power point hanya berfungsi sebagai pengganti papan tulis, padahal multimedia interaktif berasas komputer dalam proses pdpc penting sebagai salah satu komponen sistem pengajaran dan pembelajaran di kelas (Siahaan, 2010). Penggunaan kaedah konvensional dalam proses pdpc membuat pelajar kurang fokus, kurang minat dan memiliki motivasi yang rendah sehingga pelajar kurang faham dengan bahan ajar yang diberikan guru (Arsat & Khalip, 2011).





Kajian awal mendapati bahawa guru pada umumnya masih mengalami kesulitan dalam menggunakan hasil teknologi maklumat ke dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas (Hartono, 2013). Kajian lapangan yang dilakukan bulan Julai 2016 mendapati bahawa 22 Sekolah menengah milik pemerintah di kota Palembang semuanya sudah memiliki makmal komputer, tetapi makmal komputer ini belum maksimum penggunaannya. Makmal komputer hanya digunakan untuk ujian nasional, kerana itu perlu adanya usaha untuk meningkatkan penggunaan makmal komputer seperti menggunakan multimedia interaktif dalam pdpc di sekolah.

Hingga tahun pelajaran 2016/2017 kementerian pendidikan Indonesia masih menetapkan sekolah percuma untuk semua sekolah kerajaan di Indonesia. Sekolah tidak dibenarkan untuk memungut yuran daripada pelajar, akibatnya banyak kegiatan amalan di makmal sains kimia tidak dapat dilakukan kerana terbatasnya dana. Makmal sains kimia adalah komponen yang sangat penting dalam pdpc untuk memahami bahan pembelajaran berupa fakta, konsep dan pembuktian teori serta bahan ajar yang bersifat mikroskopik (Slameto, 2013). Tidak berfungsinya makmal sains kimia dalam proses pdpc di sekolah mengakibatkan pemahaman terhadap bahan pembelajaran mata pelajaran kimia sangat lemah. Hasil pemerhatian di 22 sekolah menengah milik pemerintah di kota Palembang, hanya ada 5 sekolah sahaja yang masih menggunakan makmal sains kimia untuk proses pdpc di sekolah, itupun sangat terbatas penggunaannya.

Makmal sains kimia yang tidak berfungsi menyebabkan konsep mikroskopik, makroskopik dan simbolik kimia kurang difahami oleh pelajar. Oleh itu, multimedia dapat menggantikan peranan makmal sains kimia, kerana multimedia boleh memaparkan konsep mikroskopik, konsep makroskopik dan simbol dalam sains kimia.





Pengamatan kepada beberapa sekolah mendapati bahawa pelajar sudah memahami untuk mengendalikan komputer. Pelajar sangat gembira dengan multimedia yang memaparkan gambar lucu, gambar karton dan mereka juga gembira dengan kuiz yang mencabar.

Multimedia interaktif merupakan salah satu cara yang boleh digunakan untuk menukar proses pdpc disekolah guna untuk memahami fakta, konsep dan pembuktian teori dan yang bersifat mikroskopik. Multimedia interaktif merupakan salah satu cara yang digunakan untuk melaksanakan kurikulum 2013 dimana pembelajaran harus berasaskan fakta, konsep dan prinsip (K-13). Perkara ini sejalan dengan kebijaksanaan pemerintah kota Palembang iaitu untuk memaksimumkan peranan ICT dalam proses pdpc di sekolah sesuai anjuran dinas pendidikan kota Palembang tahun 2017, maka



semua sekolah pemerintah mulai tahun 2017 sudah memiliki makmal komputer.

Makmal komputer ini tidak semata diguna untuk ujian nasional sahaja, tetapi boleh digunakan dalam proses pdpc disekolah. Penggunaan multimedia interaktif dalam pembelajaran kimia di SMA Kota Palembang merupakan salah satu cara untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap bahan kimia yang bersifat mikroskopik, berupa fakta, memahami konsep dan juga untuk membuktikan teori. Multimedia interaktif diharapkan dapat membantu meningkatkan motivasi, menumbuhkan minat belajar kimia (Lee Tien Tien, 2013) yang berakhir pada peningkatan pemahaman pelajar terhadap bahan kimia secara utuh.





1.3 Pernyataan Masalah

Untuk menjalankan K-13 setiap sekolah pemerintah dibangun makmal komputer, 22 sekolah menengah di Palembang semuanya sudah dibangun makmal komputer. Sekolah pula telah melatih juruteknik komputer, guru mata pelajaran telah pula dikumpulkan melalui kumpulan Musyawarah Guru Mata Pelajaran (MGMP) guna melatih penggunaan komputer untuk kaedah pdpc.

Kemampuan guru mata pelajaran kimia menggunakan komputer belum baik, komputer baru diguna untuk mengetik. Pada kaedah pdpc komputer diguna untuk membuat PPT yang boleh menggantikan papan tulis dan kapur sahaja dari itu kaedah pdpc masih konvensional. Guru belum dapat membuat multimedia yang selaras dengan pedagogi dan kandungan kimia.

Pelajar mendapati kesulitan memahami kandungan kimia yang berasaskan mikroskopik dan simbolik untuk topik tertentu seperti tajuk kimia redoks. Kimia redoks adalah salah satu tajuk pembelajaran kimia yang kompleks kerana dalam kaedah pdpc memerlukan fakta, konsep makroskopik, konsep mikroskopik dan konsep-konsep simbolik yang saling terkait sehingga sukar dipahami (Lee Tien Tien, 2013). Kajian disokong oleh analisis keperluan yang dijalankan yang melibatkan temu bual dengan pelajar dan guru, mendapati tajuk redoks merupakan paling sukar, prestasi min pelajar tajuk redoks untuk tahun 2016 mendapati nilai prestasi yang paling kecil berbanding tajuk yang lain. Kajian dari Hartono (2013) mendapati bahawa bahan kimia redoks dibandingkan dengan bahan kimia lainnya menduduki nilai min prestasi pelajar yang paling kecil di sekolah menengah di kota Palembang. Secara nasional nilai min prestasi





pelajar untuk mata pelajaran kimia (UNBK) tahun 2017 masih dibawah Standart Kelulusan Nasional (SKN) iaitu skor min UNBK 5.37 dibandingkan skor min SKN 5.5 (Kemdikbud, 2015).

Ciri-ciri pelajar millenial di Indonesia lebih di kenal dengan nama *pelajar zaman now* lebih menyenangi fakta dan simbol-simbol, mereka kurang berkesan membaca kajian yang panjang dan lebih berkesan pada kajian yang menantang seperti quis, games dan sterusnya. Keberkesanan pelajar ini harus ada tindak balas dari guru dan sekolah, iaitu dengan mengubah kaedah pdpc yang konvesional ke kaedah pdpc yang moderen.

Kajian Mega (2015) mendapati pencapaian prestasi yang rendah bagi tajuk redoks disebabkan pelajar tidak berjaya mengingat konsep-konsep redoks dengan tepat kerana banyak yang bersifat mikroskopik, perkara ini sesuai dengan apa yang dikemukakan Lee Tien Tien (2013). Oleh sebab itu, penyelidik memilih multimedia interaktif diintegrasikan dalam pdpc untuk bahan pengajaran redoks, dengan menggunakan multimedia interaktif pelajar boleh mendapatkan konsep fakta, konsep mikroskopik, konsep makroskopik dan konsep-konsep simbolik sehingga pelajar menjadi lebih faham. Multimedia interaktif menyebabkan pelajar lebih aktif, kerana mereka sendiri yang mengoperasikan komputer sehingga mereka boleh mengatur masa untuk memahami satu konsep ke konsep yang lain. Perkara lain adalah pelajar menjadi lebih berminat dan termotivasi sehingga memiliki sikap yang positif terhadap isi kandungan yang dipelajari. Pelajar menjadi lebih aktif kerana proses pdpc lebih berpusat pada pelajar.





Multimedia interaktif membantu pelajar menguasai kemahiran dalam sains salah satunya kimia telah mendapatkan perhatian yang serius sejak dua dekad yang lalu Hartshorne (2005). Penerangan dengan hanya berasaskan teks, grafik statik dilihat kurang berkesan bagi mengikis kesalahan konsep disebabkan kesukaran untuk menggambarkan dengan jelas kesalahan mata kasar (Yenilmez & Tekkaya, 2006). Banyak kajian yang menggunakan multimedia interaktif seperti Salleh (2007), Norizan (2002), Azzura, (2012), Deniz dan Cakir (2006) semua telah berjaya meningkatkan skor pencapaian pelajar. Menggunakan multimedia interaktif membantu pelajar untuk memvisualisasikan isi pelajaran dengan baik dan dapat memastikan konsep konsep abstrak dapat digarap dengan berkesan. Namun, penggunaan multimedia interaktif dalam proses pdpc bahan pengajaran redoks berbanding penggunaan media power point untuk meningkatkan skor pencapaian pelajar masih samar dan perlu diselidiki.




Perkara yang sama untuk menilai kesan pelajar berupa kesan minat dan kesan sikap bagi kedua media yang digunakan dalam proses pdpc juga perlu dikaji untuk memperkuat penyelidikan ini.


1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep penyelidikan adalah kerangka hubungan antara konsep-konsep yang diamati atau diukur melalui penyelidikan (Notoatmojo, 2010). Kerangka konsep kajian penyelidikan membandingkan penggunaan multimedia interaktif (MIR) dalam proses pdpc yang lebih bersifat berpusat pelajar dengan penggunaan media power point (PPT) dalam proses pdpc yang lebih bersifat berpusat guru. Penyelidikan melibatkan pembelajaran subjek kimia dibawah tajuk redoks yang dianggap sukar dan melibatkan



konsep-konsep mikroskopik yang rumit sehingga mempengaruhi pencapaian pelajar. Kesan pelajar berupa minat dan sikap terhadap media yang diguna saat proses pdpc turut mempengaruhi pencapaian pelajar. Kerangka kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.1





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



1.5 Rasional Kajian

Guru dalam pengajaran jarang menggunakan media berasaskan komputer, walaupun menggunakan media hanya setakat power point sebagai pengganti papan tulis. Proses pdpc lebih berpusat guru sehingga membosankan dan pelajar menjadi malas. Penggunaan multimedia interaktif menyebabkan proses pdpc menjadi lebih terpusat pelajar kerana yang mengoperasikan komputer adalah pelajar. Multimedia interaktif boleh menjadikan konsep bersifat abstrak dan mikroskopik pada tajuk kimia redoks yang sulit difahami menjadi lebih nyata dan lebih mudah difahami (Lee Tien Tien, 2013). Proses pdpc menjadi lebih menyenangkan sehingga pencapaian pelajar meningkat, perkara yang sama juga boleh untuk meningkatkan kesan minat dan sikap pelajar terhadap kandungan kimia yang diajarkan berbantuan multimedia interaktif.



Multimedia interaktif adalah media pembelajaran yang mengarah ke pembelajaran kontekstual dan konstruktivisme, mendekatkan konsep-konsep yang bersifat tidak nyata (mikroskopik) ke arah yang lebih nyata (makroskopik) sehingga lebih mudah dipahami (Lee Tien Tien, 2013). Multimedia interaktif yang baik adalah telah diuji dari kandungan pengajaran, paedagogi yang sah, praktis, efektif, dan disertakan dengan langkah langkah pembelajaran yang telah diuji (Yudhi Munadi, 2008).





1.6 Tujuan Kajian

Adapun tujuan utama dalam penyelidikan ini adalah:

- Membantu guru menggunakan bahan multimedia dalam pdpc kimia
- Menyediakan bahan multimedia alternatif untuk kegunaan guru.
- Membantu/menyumbang penyelesaian masalah yang tidak dapat menjalankan amalan/praktikal di makmal kimia.

1.7 Objektif Kajian

Penyelidikan ini mengkaji dua perkara utama iaitu membina MIR dan menguji MIR supaya boleh diguna untuk proses pdpc disekolah. Kajian dimulakan dari mereka bentuk MIR, dilanjutkan dengan membina MIR kemudian dilakukan pengujian untuk menilai kesan MIR terhadap pencapaian pelajar.

1) Objek kajian membina MIR adalah seperti berikut:

- a) Menentukan kesahan MIR meliputi: Kesahan pedagogi, kesahan kandungan redoks dan kesahan multimedia interaktif.
- b) Menentukan kebolegunaan MIR .
- c) Menentukan kebolehpercayaan MIR.

2) Untuk objek kajian menguji MIR adalah seperti berikut:

- a) Mengkaji perbezaan pencapaian pasca bahan pengajaran redoks bagi kumpulan pelajar yang menggunakan MIR sebagai kumpulan rawatan terhadap kumpulan pelajar menggunakan media PPT sebagai kumpulan kawalan.



- b) Mengkaji perbezaan minat pelajar bahan pengajaran redoks bagi kumpulan pelajar yang menggunakan MIR sebagai kumpulan rawatan terhadap kumpulan pelajar menggunakan PPT sebagai kumpulan kawalan.
- c) Mengkaji perbezaan sikap pelajar bahan pengajaran redoks bagi kumpulan pelajar yang menggunakan MIR sebagai kumpulan rawatan terhadap kumpulan pelajar menggunakan PPT sebagai kumpulan kawalan.
- d) Mengkaji hubungan pencapaian pasca dengan minat pelajar pada kumpulan rawatan yang menggunakan MIR.
- e) Mengkaji hubungan pencapaian pasca dengan sikap pelajar pada kumpulan rawatan yang menggunakan MIR.
- f) Mengkaji hubungan pencapaian pasca dengan sikap dan minat secara bersama pada kumpulan rawatan yang menggunakan MIR.
- g) Mengkaji pengaruh Minat pada MIR terhadap pencapaian pasca pada kumpulan rawatan.
- h) Mengkaji pengaruh minat pada bahan redok terhadap pencapaian pasca pada kumpulan rawatan.
- i) Mengkaji pengaruh sikap pada MIR terhadap pencapaian pasca pelajar pada kumpulan rawatan.

1.8 Soalan Kajian

1. Soalan kajian membina MIR adalah:

- a) Apakah nilai kesahan MIR yang dibina ?.
- b) Apakah nilai kebolegunaan MIR yang di bina ?.



c) Apakah nilai kebolehpercayaan MIR yang dibina?.

2. Soalan kajian menguji MIR adalah seperti berikut:

a) Adakah perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian pasca bahan pengajaran redoks bagi kumpulan pelajar yang menggunakan MIR sebagai kumpulan rawatan terhadap kumpulan pelajar menggunakan media PPT sebagai kumpulan kawalan?

b) Adakah perbezaan yang signifikan terhadap skor min minat pelajar bahan pengajaran redoks bagi kumpulan pelajar yang menggunakan MIR sebagai kumpulan rawatan terhadap kumpulan pelajar menggunakan PPT sebagai kumpulan kawalan?

c) Adakah perbezaan yang signifikan terhadap skor min sikap pelajar bahan pengajaran redoks bagi kumpulan pelajar yang menggunakan MIR sebagai kumpulan rawatan terhadap kumpulan pelajar menggunakan PPT sebagai kumpulan kawalan?

d) Adakah hubungan yang signifikan skor min pencapaian pasca dengan skor min minat pelajar pada kumpulan rawatan yang menggunakan MIR?

e) Adakah hubungan yang signifikan skor min pencapaian pasca dengan skor min sikap pelajar pada kumpulan rawatan yang menggunakan MIR?

f) Adakah hubungan yang signifikan skor min pencapaian pasca dengan skor min sikap dan skor min minat secara bersama pada kumpulan rawatan yang menggunakan MIR?

g) Adakah pengaruh yang signifikan skor min Minat pada MIR terhadap skor min pencapaian pasca pada kumpulan rawatan?

h) Adakah pengaruh yang signifikan skor min minat pada bahan redoks terhadap skor min pencapaian pasca pada kumpulan rawatan?



- i) Adakah pengaruh yang signifikan skor min sikap pada MIR terhadap skor min pencapaian pasca pelajar pada kumpulan rawatan?

1.9 Hipotesis Kajian

Berdasarkan soal kajian yang dikemukakan, penyelidik mengemukakan beberapa hipotesis nol (H_0) yang dibina pada aras keertian, $\alpha = 0.05$ seperti berikut :

- a) H_{01} : Ada perbezaan yang signifikan terhadap skor min pencapaian pasca bahan pengajaran redoks bagi kumpulan pelajar yang menggunakan MIR sebagai kumpulan rawatan terhadap kumpulan pelajar menggunakan media PPT sebagai kumpulan kawalan.
- b) H_{02} : Ada perbezaan yang signifikan terhadap skor min minat pelajar bahan pengajaran redoks bagi kumpulan pelajar yang menggunakan MIR sebagai kumpulan rawatan terhadap kumpulan pelajar menggunakan PPT sebagai kumpulan kawalan.
- c) H_{03} : Ada perbezaan yang signifikan terhadap skor min sikap pelajar bahan pengajaran redoks bagi kumpulan pelajar yang menggunakan MIR sebagai kumpulan rawatan terhadap kumpulan pelajar menggunakan PPT sebagai kumpulan kawalan.
- d) H_{04} : Ada hubungan yang signifikan skor min pencapaian pasca dengan skor min minat pelajar pada kumpulan rawatan yang menggunakan MIR.
- e) H_{05} : Ada hubungan yang signifikan skor min pencapaian pasca dengan skor min sikap pelajar pada kumpulan rawatan yang menggunakan MIR.

- f) H₀₆: Ada hubungan yang signifikan skor min pencapaian pasca dengan skor min sikap dan skor min minat secara bersama pada kumpulan rawatan yang menggunakan MIR.
- g) H₀₇: Ada pengaruh yang signifikan skor min Minat pada MIR terhadap skor min pencapaian pasca pada kumpulan rawatan?
- h) H₀₈: Ada pengaruh yang signifikan skor min minat pada bahan redoks terhadap skor min pencapaian pasca pada kumpulan rawatan?
- i) H₀₉: Ada pengaruh yang signifikan skor min sikap pada MIR terhadap skor min pencapaian pasca pelajar pada kumpulan rawatan?

1.10 Skop Kajian

Kajian ini fokus kepada pembelajaran yang menggunakan multimedia bahan interaktif yang dikumpul daripada Pusdikom, CD pembelajaran yang dibuat kementerian pendidikan Indonesia serta media animasi yang dibuat atau diakses dari internet.

1.11 Batasan Kajian

Batasan dalam kajian ini adalah:

1. Kajian kandungan kimia hanya menggunakan satu tajuk iaitu kimia redoks mengikut sukatan pelajaran sekolah menengah tingkatan sepuluh dan mengikut daripada K-13..

2. Kajian dilakukan hanya di wilayah kota Palembang Indonesia, sampel adalah sekolah kerajaan yang berada di pusat bandar, sekolah di antara pusat dan tepi bandar dan sekolah yang berada di tepi bandar.

1.12 Definisi Operasi

Kajian melibatkan sejumlah konsep berkaitan dengan pentafsiran, definisi istilah dan definisi operasi yang dinyatakan supaya tidak menimbulkan tafsiran yang berbeza. Definisi istilah dan definisi operasi dalam kajian ini sebagai berikut.

1.12.1 Multimedia Interaktif

Multimedia interaktif adalah suatu multimedia yang dilengkapi dengan alat kawalan yang boleh dikendalikan oleh pengguna, sehingga pengguna dapat memilih apa yang dikehendaki untuk proses selanjutnya (Pustikom, 2013).

Dalam kajian ini multimedia interaktif tajuk redoks (MIR) adalah Multimedia interaktif yang dihasilkan daripada bahan yang diambil dari CD pembelajaran Kementerian Pendidikan Indonesia, yang dimuat turun dari internet dan dari Lembar Kerja Peserta didik (LKPD) khusus tajuk redoks mengikut K-13 sukatan pelajar sekolah menengah tingkatan sepuluh.



1.12.2 Pencapaian

Pencapaian adalah kemampuan pelajar menguasai atau mencapai tujuan-tujuan pengajaran yang telah ditetapkan (Dimyati & Mudjijono, 2013). Oleh itu, yang dimaksud dengan pencapaian pada penyelidikan ini adalah skor pelajar dalam ujian pra/pasca dalam tajuk redoks mengikut K-13 sukatan pelajar sekolah menengah tingkatan sepuluh.

1.12.3 Minat

Menurut Belly (2006), minat adalah keinginan yang didorong oleh hasrat setelah melihat, memerhatikan dan membandingkan dan mempertimbangkan dengan keperluan yang dia inginkan. Dalam konteks kajian ini minat merujuk kepada minat pelajar kepada MIR iaitu keberkesanan pelajar menggunakan MIR, minat pelajar terhadap kandungan redoks mengikut sukatan pelajar sekolah menengah tingkatan sepuluh.

1.12.4 Sikap

Menurut Ahmadi (2007), sikap adalah kesediaan untuk bertindak balas yang positif atau negatif terhadap objek atau situasi secara konsisten. Pendapat ini memberikan ilustrasi bahawa sikap adalah tindak balas terhadap objek atau keadaan yang agak tidak stabil dan disertai dengan perasaan tertentu dan memberikan orang itu asas untuk membuat



tindak balas atau tingkah laku dengan cara tertentu yang dipilihnya. Namun demikian, dalam konteks ini sikap merujuk kepada sikap pelajar terhadap bahan MIR, kesediaan pelajar bertindak balas tetap yang terikat dalam kajian bahan MIR.

1.12.5. Defenisi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan

Kumpulan Rawatan iaitu kumpulan pelajar dalam proses pdp guru menggunakan MIR. Kumpulan Kawalan iaitu kumpulan pelajar dalam proses pdp guru menggunakan PPT.

1.12.6 Lokasi Sekolah

Sekolah-sekolah Menengah Atas Negeri (SMAN) yang ada di kota Palembang. Sekolah-sekolah tersebut mewakili 3 kluster yaitu:

Kluster 1 adalah sekolah yang berada di pusat kota Palembang.

Kluster 2 adalah sekolah yang berada di pertengahan Kota kota Palembang.

Kluster 3 adalah sekolah yang berada dipinggir kota Palembang.

1.13 Rumusan

Bab ini membincangkan pelbagai aspek berkaitan dengan kajian yang dijalankan, merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, rasional kajian dan objektif kajian. Hal lain yang juga dibincangkan dalam bab ini iaitu soalan kajian, hipotesis



kajian, dan batas kajian. Pula dibincangkan meliputi skop kajian, definisi operasi dan beberapa konsep penting.

